

17/03/2003

Bahana ancaman perang dan kehebatan Langkawi

Raja Ahmad Zainuddin

GERGASI bola sepak, Brazil nampaknya terpaksa menanggung hasratnya mencatat sejarah Piala Dunia kali kedua di benua Asia selepas kejohanan belia yang dijadualkan berlangsung di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) akhir bulan ini dan pertengahan bulan depan, terpaksa ditangguhkan.

Selaku juara Piala Dunia tahun lalu anjuran bersama Korea Selatan dan Jepun, pasukan belia mereka yang berada di Kuala Lumpur menyertai kejohanan jempunan antarabangsa juga pasti mahu menjadikan bumi Malaysia sekali lagi sebagai tuah mengulangi apa pencapaian pasukan senior mereka.

Brazil yang dibarisi ramai bintang berada di ibu negara untuk memanaskan badan sebelum berlepas ke Korea Selatan sebelum akhirnya muncul juara dengan mengalahkan Jerman 2-0 di final.

Seperti juga pasukan senior mereka yang berjaya merampas semula Piala Dunia selepas gagal di Paris pada 1998, skuad belia mereka juga berhajat besar berbuat demikian selepas gagal di Malaysia pada tahun 1997, Nigeria 1999 dan Argentina 2002.

Bagaimanapun hasrat mereka terpaksa dilupakan sementara kerana Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) terpaksa menangguhkan pertandingan dari 25 Mac hingga 16 April itu lantaran ketidaktentuan aspek keselamatan berhubung keputusan Amerika Syarikat hendak menyerang Iraq.

Bagaimanapun, kehadiran Brazil, Portugal dan Korea Selatan di dalam kejohanan empat penjuru yang bermula dari 13 hingga 16 Mac setidak-tidaknya mengembalikan semula nostalgia sewaktu Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan Piala Dunia Remaja pada 1997.

Bagi pasukan negara setidak-tidaknya mereka menimba pengalaman baru bermain dengan pasukan seperti Brazil yang kaya dengan kemahiran bola sepak dan sambanya. Begitu juga dengan Portugal yang juga terkenal dengan jolokan Brazil Eropah dan Korea Selatan pula yang mendapat semangat baru selepas berjaya melayakkan diri ke peringkat separuh akhir Piala Dunia.

Kejohanan belia ini sesungguhnya adalah yang kedua terpenting selepas Piala Dunia kerana ramai bintang seperti Ronaldo dan Denilson lahir daripada kejohanan ini. Bagi negara di benua Afrika dan Amerika Selatan pula mereka menyifatkan kejohanan ini sebagai lubuk emas, kerana tawaran kelab-kelab ternama di Liga Eropah.

Begitupun, penangguhan ini sedikit sebanyak menjejaskan persiapan tuan rumah iaitu UAE tambahan pula ini adalah kali kedua benua Asia diberikan penghormatan menganjurkannya selepas Kuala Lumpur.

Selanjutnya, jika Amerika melihat sukan sebagai usaha mencetuskan semangat muhibah dan persaudaraan sejagat, kejohanan ini sewajarnya tidak perlu ditangguhkan kerana bola sepak adalah sukan nombor satu.

Jika Piala Dunia 2002 diambil kira, Amerika sepatutnya berterima kasih kepada benua Asia kerana tidak tercetus sebarang kejadian yang tidak diinginkan atau keganasan berbanding bola sepak di Eropah. Ini terbukti kerana tiada siapapun terfikir untuk mengganggu atau membuat ancaman ke atas pasukan mereka termasuk sama ada dari kumpulan militan mahupun ekstremis walaupun dari pandangan mereka Asia bukanlah tempat yang selamat selepas peristiwa 11 September.

Tidak siapa yang boleh menyalahkan Fifa yang lebih mementingkan keselamatan setiap pasukan yang mengambil bahagian, justeru kejohanan yang dijangka melahirkan lebih ramai bintang yang akan merancakkan lagi persada bola sepak antarabangsa di masa depan, terpaksa dibatalkan.

Atau mungkinkah ia berpindah gelanggang? Jika ini berlaku benua Asia

pasti merasa kecewa kerana bukan saja tidak dapat mengulangi kehebatan sebagaimana Korea Selatan yang berjaya mengenyahkan pasukan handalan dari benua Eropah seperti Portugal dan Itali, bahkan juga selaku penganjur seperti mana yang dilakukan Korea Selatan dan Jepun yang turut mendapat pujian Fifa.

Apapun, negara kita melangkah setapak lagi dalam kejohanan antarabangsa. Yang terbaru ialah RLIR 2003 yang dilancarkan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut berbangga kerana Langkawi, kini menjadi destinasi bertaraf dunia.

Langkawi, menurut Datuk Seri Abdullah kini mampu menganjurkan pelbagai acara bertaraf antarabangsa seperti Le Tour de Langkawi, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi serta Ironman Langkawi. Satu lagi ialah Kart Indy 40 Induro Langkawi 2003 merebut Piala Perdana Menteri yang akan berlangsung Disember depan yang menawarkan hadiah wang tunai RM100,000 dengan peserta dijangka dari Eropah, Australia dan negara Asean termasuk Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina.

Walaupun, masih baru tetapi penganjuran regatta itu tegas Datuk Seri Abdullah setidak-tidaknya membuktikan kemampuan Malaysia menganjurkan acara pelayaran bertaraf antarabangsa dan tidak lupa kita kepada kehebatan pelayar Datuk Azhar Mansor yang mencatat sejarah menjadi anak Melayu Malaysia pertama berjaya berbuat demikian.

Ini tidak termasuk perlumbaan F1 Sepang yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Biarpun, konflik sedang melanda Asia Barat, ia tidak akan menjejaskan penganjurannya seperti mana dijadualkan berlangsung hujung minggu ini.

Perlumbaan yang tercetus hasil idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ini juga menjadikan Malaysia sebagai satu lagi destinasi pelancongan rakyat asing yang tidak merasa bimbang dengan tanggapan liar setengah-tengah pihak ke atas keselamatan negara.